

Tahun ini, Universiti Nasional Singapura (NUS) merayakan pencapaian lebih 11,000 siswazah dengan sejumlah 24 majlis konvokesyen. Namun bagi sesetengah pelajar yang menerima kepujian tertinggi, perjalanan pendidikan mereka bukan semudah yang disangka. Kejayaan mereka tidak mungkin dapat diraih tanpa kerja keras, kesabaran serta banyak pengorbanan.

Wartawan **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) mewawancarai dua lulusan NUS yang menerima ijazah Sarjana Muda dengan Kejujian Tertinggi baru-baru ini.



SEMANGAT WAJA: Dulu pernah hilang arah, Encik Loic (kanan) berjaya bangkit dengan semangat baru dan berjaya mengungguli ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dengan Kejujian Tertinggi. Beliau juga merupakan penerima Pingat dan Hadiah Emas Kelab Harvard kerana merupakan pelajar terbaik dalam kursus Strategi dan Dasar. – Foto NUS

DUA SISWA

Kehilangan ibu pembakar semangat...

SEMASA di sekolah rendah, Encik Noor Loic Satar sering menduduki tangga corot dalam kelas.

Keadaannya bertambah buruk apabila ibunya, Cik Schweitzer Isabelle, seorang warga asal Perancis, meninggal dunia akibat penyakit barah semasa beliau di darjah lima.

"Saya macam hilang arah. Selalu sahaja nak memberontak. Ia juga menjejaskan pelajaran saya."

"Saya selalu di tempat terakhir dalam kelas. Kalau saya bertuah, saya menduduki tempat kedua terakhir," selorohnya sambil menyingkap kembali keadaannya semasa di Sekolah Rendah Parry.

Beliau, yang kemudian ke aliran Normal Akademik dengan agregat 185 bagi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), hanya mula tersentak tentang kepentingan pelajaran apabila berada di menengah dua.

Singap bekas pelajar Sekolah Menengah Mayflower ini:

"Saya hampir digantung sekolah kerana menyebabkan seorang guru menangis. Guru disiplin saya, Encik B. Prem Anand yang membuat saya 'bangun' daripada lamunan mimpi saya selama ini."

"Saya masih ingat lagi, beliau katakan kepada saya bahawa apa yang saya lakukan ini hanya akan menjejaskan kehidupan saya. Saya harus bertanggungjawab terhadap masa depan saya. Saya juga perlu mencorak kehidupan yang saya inginkan."

Berbekalkan kata-kata perangsang itu, Encik Loic, kini 26 tahun, bangkit dengan semangat baru.

Mentelah lagi anak bongsu dua beradik ini mahu membanggakan arwah ibunya.

Meskipun ditawarkan untuk beralih ke aliran Ekspres di akhir menengah dua, beliau menolaknya kerana merasakan dirinya lebih selesa dengan rentak pembelajaran di aliran Normal Akademik.

"Bagi saya ia merupakan keputusan terbaik yang pernah saya buat. Saya tidak pernah menyesal walaupun perlu tambahan satu tahun di sekolah," katanya lagi.

Dengan tambahan setahun itu, Encik Loic berkata beliau mampu membangunkan kemahiran kepimpinannya menerusi aktiviti ko-kurikulum yang diikutinya.

"Pelbagai kemahiran berguna termasuk pengurusan masa yang dapat saya pelajari. Mengimbas kembali, saya rasa kemahiran itu penting dalam pembangunan peribadi saya kini," ujarnya yang turut menerima Anugerah Kecemerlangan Kecekapan Lee Kuan Yew atas sifat kepimpinannya yang menyerlah.

Anak muda bersemangat waja itu kemudian meraih keputusan cemerlang semasa peperiksaan GCE peringkat 'O' dengan tujuh mata.

"Setiap kali saya seakan mahu putus asa, saya akan selalu teringat apabila ibu saya berjuang dengan barah. Kecekalan, semangat dan keazamannya membuat saya terus mahu berusaha lebih gigih," ujarnya.

Beliau memilih untuk ke Politeknik Singapura untuk mengikuti kursus Diploma dalam Perniagaan Antarabangsa – kursus yang memang diminatinya.

"Saya mula meminati perniagaan selepas menyaksikan ucapan dasar mendiang Steve Jobs pada 2007 apabila beliau mahu melancarkan iPhone."

"Itu merupakan detik pertama minat saya mula berputik dalam bidang perniagaan," katanya.

Oleh kerana tidak mahu membebankan ayahnya, Encik Satar Mohd Noor, 70 tahun, yang merupakan pencari nafkah utama keluarga, Encik Loic belajar bersungguh-sungguh dengan harapan mendapatkan anugerah dan biasiswa.

Bapanya seorang ahli muzik, dan merupakan salah seorang anggota kumpulan Jeffrydin and The Siglap Five.

Ternyata ia membuahkan hasil apabila beliau berjaya meraih Pingat Emas Far East Organization yang diberikan kepada pelajar terbaik dalam kursusnya.

Atas kecemerlangannya itu, Encik Loic telah diterima masuk ke Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) dan merupakan pemegang Biasiswa Merit Siswazah NUS.

Namanya juga tersenarai dalam senarai dekan selama dua penggal.

Baru-baru ini semasa majlis konvokesyennya, Encik Loic mampu bangga kerana merupakan penerima Pingat dan Hadiah Emas Kelab Harvard kerana merupakan pelajar terbaik dalam kursus Strategi dan Dasar. Beliau meraih ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dengan Kejujian Tertinggi.

Meskipun demikian, beliau tetap rendah diri, dan sering ingat akan perjalanan pendidikannya yang penuh dengan pelbagai ranjau dan duri.

Kata Encik Loic yang telah mendapat pekerjaan sebagai *Pilot Perfect Scale Specialist* yang bertanggungjawab terhadap aspek operasi perniagaan bagi syarikat Airbnb:

"Saya sering ingat terhadap nilai-nilai yang telah diterapkan kepada saya sepanjang saya membesar. Hormati sesiapa saja tidak kira orang itu seorang CEO atau pekerja pembersihan."

"Tidak kira bagaimana permulaan atau latar belakang anda, sikap rendah hati dan kerja keras akan dapat merubah hidup anda."